

## **Mesti ada SSPN untuk dapat PTPTN**

KUALA LUMPUR 14 Sept – Pemohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan disyaratkan mempunyai akaun dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebelum layak memohon pinjaman tabung berkenaan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat berkata, syarat itu dijangka mula dilaksanakan pada akhir tahun ini selepas Akta PTPTN 1997 yang dipinda dan diluluskan oleh Parlimen pada Mei lalu, diwartakan.

“SSPN akan melayakkan pendeposit atau anak-anak mereka mendapatkan pinjaman PTPTN untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta di negara ini.

“Selain itu, skim ini bertujuan menggalakkan orang ramai supaya menabung,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan cek kepada 12 sekolah di kawasan Kampung Pandan di sini hari ini.

Cek bernilai RM3,000 itu diserahkan kepada setiap sekolah berkenaan untuk menganjurkan pelbagai program berbentuk motivasi dan jati diri kepada para pelajar.

Di bawah syarat tersebut, peminjam perlu membuka akaun SSPN dengan membayar deposit permulaan sebanyak RM20 sebelum melayakkan mereka memohon PTPTN.

SSPN dilancarkan pada 2004 dan sehingga kini mempunyai kira-kira 53,000 pendeposit dengan jumlah tabungan hampir RM15 juta.

“Skim ini merupakan skim simpanan yang menggalakkan budaya menabung terutama bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi,” jelas Tee Keat.

Ahli Parlimen Pandan itu juga sebelum ini mempromosikan skim tersebut kepada masyarakat di sekitar Kampung Pandan.

“Kami telah menganjurkan Program Pendidikan Khas untuk masyarakat di kawasan saya ini di samping menggalakkan mereka menabung dalam SSPN.

“Sambutan terhadap skim ini sungguh memberangsangkan kerana mereka mempunyai kesedaran tentang kebaikan SSPN,” ujarinya.

Mengulas dakwaan terdapat pelajar yang menuntut di luar negara memperoleh pinjaman PTPTN, katanya, perkara itu masih dalam siasatan kementeriannya.

Tegas beliau, pegawai yang meluluskan pinjaman tersebut akan dikenakan tindakan sewajarnya jika didapati bersalah menyalahgunakan kuasa.